

**KESAN MODUL PEMULIHAN INTENSIF DAN
BERTERUSAN TERHADAP KEMAHIRAN
MEMBACA DAN MENULIS JAWI DALAM
KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH**

NAZIROH BINTI IBRAHIM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2015

**KESAN MODUL PEMULIHAN INTENSIF DAN
BERTERUSAN TERHADAP KEMAHIRAN
MEMBACA DAN MENULIS JAWI DALAM
KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH**

oleh

NAZIROH BINTI IBRAHIM

Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah

FEBRUARI 2015

PENGHARGAAN

Alhamdulillah.... segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W. Maha suci Allah Rabb al-‘Alamin, kerana menganugerahkan saya kekuatan, ketabahan, kesabaran dan kemampuan kesihatan yang baik sehingga berjaya sampai ke destinasi terakhir dalam perjalanan intelek ini. Tanpa inayahNya siapalah saya disiniNya.

Tugas yang amat mencabar dan menguji kemantapan jiwa dan rohani ini tidak akan mampu saya laksanakan tanpa bantuan dan sokongan pelbagai pihak. Penghargaan pertama dan utama ditujukan khas kepada penyelia-penyelia yang amat saya sanjungi iaitu Dr Nik Rosila bt Nik Yaacob, Dr Rabiatal Adawiah bt Ahmad Rashid dan Prof Madya Dr Ishak bin Ramly atas segala bimbingan, motivasi dan inspirasi yang berterusan sepanjang pengajian saya.

Penghargaan seterusnya ditujukan kepada para pensyarah panel penilai modul dari semua universiti yang saya kunjungi, Dr Fadzilah Amzah dan pensyarah pakar bidang statistik Dr Ahmad Zamri Khairani dan Prof Madya Dr Abdul Ghani dari USM yang telah sanggup meluangkan masa dan tenaga mereka yang amat berharga demi menyiapkan penyelidikan ini. Pendapat dan buah fikiran serta bantuan anda semua terlalu bernilai kepada saya sepanjang perjalanan intelek ini bermula sehinggalah ke tahap ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, Bahagian Pendidikan Guru, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis, Jabatan Pelajaran Negeri Perlis, Guru-guru Besar Sekolah Perlis, sekolah-sekolah kebangsaan, dan guru-guru sekolah yang terlibat dalam kajian ini atas kebenaran yang diberikan kepada saya melaksanakan dan memudahkan penyelidikan ini.

Penghargaan khusus buat guru-guru pengendali modul yang telah sudi memberi kerjasama yang berterusan dengan penuh kesabaran dan kesungguhan dari awal hingga akhir kajian lapangan. Juga kepada semua rakan-rakan sejawat di semua IPG khususnya teman seperjuangan Pn Amani bt Dahaman yang telah banyak berkongsi rasa dan jiwa. Kesanggupan dan perkongsian anda mengiringi perjalanan saya yang terlalu mencabar ini. Dan tidak ketinggalan kepada Pn. Raihaniah Zakaria yang tidak pernah jemu membantu dan menjadi pemudah cara dalam semua urusan dan tugas yang dilaksanakan. Terima kasih atas segala dorongan dan sokongan anda.

Penghargaan istimewa untuk semua rakan-rakan PERSILA yang banyak membantu dan menyuntik semangat perjuangan untuk terus berjuang, pensyarah-pensyarah, staf-staf Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, yang sentiasa ceria dan menghulurkan bantuan disaat-saat saya memerlukan. Terima kasih untuk semua.

Akhir sekali, jutaan terima kasih untuk suami, ibu, arwah bapa, anak-anak dan keluarga tercinta atas segala pengorbanan, kesabaran dan kasih sayang yang telah memberi kekuatan untuk terus mengharungi segala kepayahan dan dugaan. Kepada sahabat yang paling memahami, menghayati dan berkongsi kesusahan sepanjang usia pengajian.

Kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan secara langsung atau tidak langsung, jasa anda semua akan tetap dikenang. Semoga Allah menganugerahkan anda semua ganjaran yang sebaik-baiknya kerana Dia-lah sebaik-baik pemberi balasan dan semoga setiap usaha yang kita lakukan akan sentiasa diberkati dan diredhai oleh Allah Azzawajalla. Inshaallah.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
ABSTRAK	xviii
ABSTRACT	xix

BAB 1 PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	3
1.2	Penyataan Masalah	5
1.3	Objektif kajian	8
1.4	Persoalan Kajian	9
1.5	Hipotesis Kajian	10
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.7	Batasan Kajian	13
1.8	Definisi Operasional	15
	1.8.1 Tulisan Jawi	15
	1.8.2 Pembelajaran Jawi	16
	1.8.3 Modul Kelas Pemulihan Jawi j-QAF	16
	1.8.4 Modul Kelas Pemulihan Jawi j-QAF (MKPJ)	17
	1.8.5 Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan (MPIB)	17

1.8.6	Pembinaan Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan	18
1.8.7	Murid Pemulihan Jawi	19
1.8.8	Kemahiran Membaca Dan Menulis Jawi	20
1.8.9	Kaedah Latih Tubi Membaca dan Menulis	21
1.8.10	Bacaan dan Tulisan Secara Intensif Berperingkat dan Berterusan	22
1.8.12	Kaedah Pembelajaran Konvensional (KPK)	22
1.9	Kerangka Konseptual Kajian	23
1.10	Rumusan	27

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.0	Pendahuluan	28
2.1	Sejarah Tulisan Jawi	28
2.2	Kepentingan Pemeliharaan Tulisan Jawi di Malaysia	30
2.3	Tulisan Jawi Dalam Sistem Persekolahan Malaysia	33
2.4	Kemahiran Membaca Dan Menulis Jawi Dan Hubungannya Dengan Pendidikan Islam	37
2.5	Konsep Pendidikan Islam Menurut Pandangan Ibnu Khaldun	41
2.6	Pendekatan Pembelajaran Latih Tubi Ibnu Khaldun	45
2.7	Pembelajaran Pemulihan Jawi Melalui Kaedah Latih Tubi	51
2.8	Pembelajaran Tulisan Dalam Kalangan Murid Sekolah	55
2.9	Modul Pembelajaran Jawi	59
2.10	Reka bentuk Modul	64
2.11	Reka bentuk Intruksional	67
2.11.1	Model ADDIE	67
2.11.2	Model Pembinaan Modul Sidek	68
2.12	Pembinaan Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan	69

2.13	Ciri-ciri Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan	75
2.14	Model Analisis Keperluan	77
2.15	Teori Pemerolehan dan Pembelajaran Bahasa	81
	2.15.1 Teori Struktural	82
	2.15.2 Teori Fungsional	85
2.16	Kaedah Pemulihan Latih Tubi Ibnu Khaldun	88
2.17	Model Bacaan	96
2.18	Kerangka Teoritikal Kajian	98
2.19	Rumusan	101

**BAB TIGA PEMBINAAN MODUL PEMULIHAN INTENSIF
DAN BERTERUSAN**

3.0	Pendahuluan	102
3.1	Model Pembinaan Modul Sidek	103
	3.1.1 Rasional Pemilihan Model Pembinaan Modul Sidek	103
	3.1.2 Reka bentuk Pembinaan Modul Sidek	105
3.2	FASA I : Proses Pembinaan Modul Kajian	107
	3.2.1 Fasa 1 : Reka bentuk Modul Pemulihan Intensif Dan Berterusan (MPIB)	107
	3.2.2 Fasa II : Proses Penilaian Modul Kajian (Penilaian Formatif)	133
3.3	Model Penilaian Kemahiran Bacaan dan Tulisan (JOST & JWST)	139
3.4	Fasa III : Peringkat Penilaian Keberkesanan (Penilaian Sumatif)	140
3.5	Taklimat dan Penerangan modul MPIB	143
3.6	Rumusan	144

BAB 4 METODOLOGI KAJIAN

4.0	Pendahuluan	145
4.1	Reka Bentuk Kajian	145
4.2	Pelaksanaan Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan	150
4.3	Variabel Kajian	153
4.4	Populasi Kajian dan Sampel Kajian	156
4.5	Instrumen Kajian	160
	4.5.1 Instrumen Kajian Kuantitatif	161
	4.5.2 Instrumen Kajian Kualitatif	163
4.6	Rumusan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	169
4.7	Prosedur Pengumpulan Data	170
	4.7.1 Data Kuantitatif	170
	4.7.2 Data Kualitatif	170
4.8	Prosedur Analisis Data	171
	4.8.1 Data Kuantitatif	171
	4.8.2 Data Kualitatif	171
4.9	Prosedur Pelaksanaan Kajian	173
4.10	Rumusan	175

BAB 5 DAPATAN KAJIAN

5.0	Pendahuluan	177
5.1	Analisis Data Kuantitatif	178
	5.1.1 Analisis Deskriptif Bagi Skor Min Pencapaian Praujian	179
	5.1.2 Analisis Deskriptif Bagi Skor Min Pencapaian Pascaujian 1	181
	5.1.3 Analisis Deskriptif Bagi Skor Min Pencapaian Ujian Pasca 2	182
	5.1.4 Perbandingan Pencapaian Praujian dan Pascaujian 1 dan Pascaujian 2 dalam Peningkatan Min Skor Pencapaian Dalam Empat Kategori Bacaan	183
	5.1.5 Analisis Pencapaian Dalam Empat Kategori Tulisan	184

5.2	Pengujian Hipotesis Kajian	186
5.2.1	Analisis Manova Hipotesis 1	187
5.2.2	Analisis Manova Hipotesis 2	189
5.2.3	Analisis Manova Hipotesis 3	192
5.2.4	Analisis Manova Hipotesis 4	194
5.3	Analisis Data Kualitatif	198
5.4	Dapatan Kajian Kualitatif	199
5.5	Pandangan Guru dan Murid Sebelum Pelaksanaan Modul	201
5.6	Pandangan Guru dan Murid Selepas Pelaksanaan Modul	206
5.8	Masalah Penggunaan Modul	215
5.9	Dapatan Analisis Dokumen	219
5.9	Rumusan	221
BAB 6	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	
6.0	Pendahuluan	223
6.1	Ringkasan Dapatan Kajian	223
6.2	Perbincangan Dapatan Kajian	226
6.3	Perbincangan Fasa Penilaian Formatif	232
6.4	Perbincangan Dapatan Kajian Kuantitatif (Kajian Kuasi-Eksperimen)	233
6.5	Perbincangan Hipotesis Kajian	237
6.6	Implikasi Dapatan Kepada Kajian	241
6.7	Implikasi Kepada Teori Kajian	241
6.8	Implikasi Kepada Amalan	245
6.9	Cadangan Kajian Lanjutan	249
6.10	Kesimpulan	250

Lampiran

- Lampiran A1 : Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Kementerian Pelajaran
- Lampiran A2 : Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Jabatan Pelajaran Perlis
- Lampiran B1 : Surat Panel Penilaian Pakar Modul Kajian
- Lampiran B2 : Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul
- Lampiran C1 : Soal Selidik Keperluan (Guru)
- Lampiran C2 : Soal Selidik Keperluan (Murid)
- Lampiran D1 : Soalan Temu bual pra dan pos guru
- Lampiran D2 : Soalan Temu bual pra dan pos murid
- Lampiran E : Ujian Diagnostik pra dan pos
- Lampiran F : Borang Pemerhatian Pengajaran Bermodul
- Lampiran G : Rancangan Pengajaran Kaedah Konvensional
- Lampiran H : Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan (MPIB)

SENARAI JADUAL

Muka Surat

1.1	Analisa Ujian Pencapaian Jawi	20
2.1	Pengelasan Model-model Reka Bentuk Pengajaran	66
2.2	Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan	76
2.3	Model Analisis Keperluan Brindley	80
3.1	Tahap Bacaan dan Tulisan Jawi Murid Tahun Lima	118
3.2	Kemampuan Murid Membaca Dan Memahami Teks Yang Dibaca	119
3.3	Masalah Membaca Ayat Jawi	119
3.4	Pencapaian Ujian Diagnostik Jawi Berdasarkan Empat Aspek	120
3.5	Tahap Keperluan Guru Terhadap MPIB	121
3.6	Cadangan Aktiviti Pemulihan Untuk Dilaksanakan bersama MPIB	122
3.7	Hasil Pembelajaran Berdasarkan Kemahiran	127
3.8	Rumusan Modul Kajian	130
3.9	Senarai Panel Penilai Modul	133
3.10	Ciri-ciri Modul Kajian	138
3.11	Kelemahan Modul Yang Diperbaiki	138
3.12	Panel Pakar Ujian Bacaan dan Tulisan	139
3.13	Langkah-langkah Pembinaan Draf Modul	142
3.14	Taklimat dan Penerangan MPIB	143
4.1	Bahan Dan Perancangan Kajian Kelas Kawalan Dan Eksperimen	152
4.2	Populasi Murid Kelas Pemulihan Jawi Sekolah Rendah Di Perlis Bagi Tahun 2010	157
4.3	Min Dan Sisihan Piawai Skor Ujian Pra Kumpulan Rawatan Dan Kawalan Dalam Bacaan Jawi	159

4.4	Hasil Analisis <i>Levene</i> Untuk Kesetaraan Sampel Antara Tiga Kumpulan	160
4.5	Ringkasan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	170
4.6	Jadual Aktiviti Kajian	173
5.1	Perbandingan Pencapaian Dalam Praujian Antara Kumpulan	179
5.2	Hasil Ujian Kategori Bacaan Dan Tulisan	180
5.3	Ujian Box's M	180
5.4	Perbandingan Pencapaian Dalam Pascaujian 1 Antara Kumpulan	181
5.5	Perbandingan Pencapaian Dalam Pascaujian 2 Antara Kumpulan	183
5.6	Perbandingan Pencapaian Praujian dan Pascaujian 1 dan Pascaujian 2 Dalam Peningkatan Min Skor Bacaan	184
5.7	Perbandingan Pencapaian Praujian dan Pascaujian 1 dan Pascaujian 2 Dalam Peningkatan Min Skor Tulisan	186
5.8	Ringkasan Min Dan Sisihan Piawai Bagi Skor Bacaan Dan Tulisan Suku Kata	187
5.9	Ringkasan MANOVA Min Skor Bacaan dan Tulisan Suku Kata	189
5.10	Ringkasan Min Dan Sisihan Piawai Bagi Skor Bacaan Dan Tulisan Perkataan	190
5.11	Ringkasan MANOVA Min Skor Bacaan dan Tulisan Perkataan	191
5.12	Ringkasan Min Dan Sisihan Piawai Bagi Skor Bacaan Dan Tulisan Rangkai Kata	192
5.13	Ringkasan MANOVA Min Skor Bacaan dan Tulisan Rangkai Kata	194
5.14	Ringkasan Min Dan Sisihan Piawai Bagi Skor Bacaan Dan Tulisan Ayat Mudah	195
5.15	Ringkasan MANOVA Min Skor Bacaan dan Tulisan Ayat Mudah	196
5.16	Rumusan Analisis Data Kajian Kuantitatif	197
5.17	Tema Analisis Kualitatif	200
5.18	Tema Analisis Dokumen	219

SENARAI RAJAH

Muka Surat

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	26
2.1	Proses Penguasaan Pembelajaran Jawi dan Pendidikan Islam	38
2.2	Hubungan Jenis-jenis Reka bentuk Modul	65
2.3	Model ADDIE	68
2.4	Ciri-ciri Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan	76
2.5	Perkaitan Elemen Morfologi dan Sintaksis dalam Teori Struktural	84
2.6	Bahasa Sebagai Alat Komunikasi Yang Bersistem Dan Berstruktur	87
2.7	Konsep Latih Tubi Ibnu Khaldun : Disesuaikan daripada Kaedah <i>Malakat dan Tadrij</i>	94
2.8	Kerangka Teoritikal Kajian	100
3.1	Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan (MPIB)	106
3.2	Proses Menghasilkan Modul (MPIB)	108
3.3	Peringkat Reka Bentuk dan Pembinaan Draf Modul	109
3.4	Proses Analisis Keperluan	124
3.5	Langkah Pembelajaran Modul Pemulihan Intensif Dan Berterusan Berasaskan Pembelajaran Latih Tubi Berterusan Ibnu Khaldun	131
3.6	Peringkat Penilaian Keberkesanan Modul (Penilaian Sumatif)	141
4.1	Reka Bentuk Asas Kajian	148
4.2	Reka Bentuk Kajian Kuasi Eksperimen	149
4.3	Prosedur Kaedah Persampelan Bertujuan	158
4.4	Prosedur Pelaksanaan Kajian Kuasi Eksperimen	175
6.1	Pembentukan Model Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan (MPIB) gabungan Model Pembinaan Modul Sidek (2001), Model Penilaian Bacaan dan Tulisan Jordan (1992) dan Kaedah Belajar Ibnu Khaldun	243

SENARAI SINGKATAN

JAPIM	Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
j-QAF	Jawi Quran Al-Quran
MKPJ	Model Kelas Pemulihan Jawi j-QAF
MKPJj-QAF	Modul Kelas Pemulihan Jawi j-QAF
MPIB	Modul Intensif dan Berterusan
KPK	Pembelajaran Pemulihan Konvensional
PKSR	Penilaian Kendalian Sekolah Rendah
JOST	Jordan Oral Screening Test
JWST	Jordan Writing Screening Test
ISD	Instructional System Design

**KESAN MODUL PEMULIHAN INTENSIF DAN BERTERUSAN
TERHADAP KEMAHIRAN MEMBACA DAN MENULIS JAWI DALAM
KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis masalah murid pemulihan jawi dalam kemahiran membaca dan menulis jawi dalam empat aspek bacaan dan tulisan suku kata jawi, perkataan jawi, rangkai kata jawi dan ayat mudah jawi melalui analisis keperluan yang dijalankan. Dapatan analisis keperluan ini dikumpulkan bagi membina Modul Pemulihan Intensif Dan Berterusan (MPIB) terhadap murid pemulihan jawi tahun lima sekolah rendah. Penilaian Formatif dan Sumatif telah dijalankan bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan modul berdasarkan prosedur Model Pembinaan Modul Sidek (2001). Pembinaan MPIB ini adalah daripada gabungan Kaedah Belajar Ibnu Khaldun melalui pendekatan pembelajaran ‘*Malakat*’ dan ‘*Tadrij*’. Model Analisis Keperluan Brindley (1984) telah diaplikasikan dalam analisis keperluan murid terhadap modul pemulihan. Teori linguistik Struktural dan Fungsional serta Model Bacaan Bawah Ke Atas pula digunakan bagi membentuk Kerangka Konsep Kajian. Manakala Model Jordan (1992) berdasarkan ujian *Jordan Oral Screening Test (JOST)* dan *Jordan Writing Screening Test (JWST)* digunakan bagi menilai kemahiran bacaan dan tulisan dalam peringkat penilaian keberkesanan modul kajian. Reka bentuk kajian adalah kuasi-eksperimen yang menggunakan Ujian pra dan Ujian pasca bagi mendapatkan skor min pencapaian antara kumpulan kajian. Pemilihan jenis sampel kajian adalah Kumpulan Rawak Bertujuan (*Purposive Random Sampling*) melibatkan tiga kumpulan murid pemulihan yang telah dipilih dari tiga buah sekolah yang berbeza. Sampel kajian yang terlibat mempunyai ciri-ciri

pemilihan sampel yang sama. Kumpulan eksperimen telah mengikuti pembelajaran menggunakan MPIB semasa sesi rawatan dijalankan. Manakala kumpulan kawalan pertama mengikuti kaedah pembelajaran pemulihan jawi j-QAF, dan kumpulan kawalan kedua menggunakan kaedah pembelajaran konvensional. Instrumen soal selidik keperluan dan Ujian kemahiran bacaan dan tulisan (*JOST & JWST*) digunakan bagi mengumpulkan data kuantitatif. Manakala temu bual separa struktur, pemerhatian dan analisis dokumen digunakan bagi mengumpul data kualitatif. Data kualitatif pula dikumpul dan dianalisis berdasarkan pendekatan *Miles & Huberman* (1994). Analisis MANOVA dijalankan bagi menjawab persoalan kajian kuantitatif. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min pencapaian yang signifikan dalam aspek kemahiran bacaan suku kata, perkataan, dan rangkai kata dan ayat mudah bagi murid yang mengikuti pembelajaran berasaskan modul (MPIB). Manakala tidak terdapat perbezaan skor min pencapaian yang signifikan dalam pencapaian tulisan ayat mudah bagi kumpulan eksperimen. Respon temu bual guru mendapati bahawa pendekatan kaedah belajar *Malakat* dan *Tadrij* Ibnu Khaldun menerusi MPIB memberi kesan terhadap pencapaian jawi pemulihan murid tahun lima.

**THE EFFECT OF INTENSIVE AND CONTINUOUS REMEDIAL MODULE
TOWARD READING AND WRITING SKILLS IN JAWI SCRIPTS AMONG
REMEDIAL PUPILS' OF PRIMARY SCHOOLS**

ABSTRACT

The purpose of the study was to analyze the problems of students in recovery Jawi towards reading and writing skills in aspects of the syllable Jawi, Jawi words, phrases and simple sentences Jawi, to build Intensive And Continous Remedial Module Toward Reading And Writing Skills In Jawi Scripts Among Remedial Pupils' Of Primary Schools. The study also investigate the effectiveness of the modules are built in four aspects above. MPIB module is built on the model of the Instructional System Design (ISD) based on the module of Intructional Model Sidek and the Method of Learning Ibn Khaldun through learning approach 'Malakat' and 'Tadrij'. Model Needs Analysis Brindley (1984) was applied in the analysis of the problems and needs of the remedial module. Structural and Functional linguistic theories and reading models are used to form the Concept Assessment Framework. When Model Jordan (1992) by Jordan Oral Screening Test (JOST) and Jordan Writing Screening Test (JWST) used to assess the reading and writing skills in the evaluation of the effectiveness study modules. This research was a quasi-experimental design with Pre-Test and Post-Test Group with purposive random sampling and involves three groups of remedial students selected from three different schools. The selection of the sample is homogenous. During intervention, the experimental group was learning the Intensive And Continous Remedial Module (MPIB) during intervention. While the first control group used the Model Pemulihan Jawi j-QAF (MPJj-QAF), and the second control group used the

conventional learning method of instruction. Quantitative instruments were questionnaires of needs analysis and test of reading and writing skills (JOST & JWST) used to collect the quantitative data. Qualitative methods of data collection such as observation, interviews and teacher's journal analysis were employed in this study. These qualitative data contributing analyzed based on the approach of Miles & Huberman (1994) and quantitative data was analyzed using the descriptive test and MANOVA Repeated Measures to answer the question of quantitative studies. The results of the experiment showed that there were some significant differences in the three aspects of reading and writing skills achievement of syllables, words, and phrases for pupils based learning modules (MPIB). There were no significant differences in achievement writing simple sentences for the experimental group. Teachers module operators argue that MPIB based learning can help students autobiographical recovery in both the reading and writing skills. The response of teachers also stated that learning methods and approaches *Malakat & Tadrij* was developed a model that can be practiced in remedial education classes especially for primary school.

BAB 1

Pengenalan

1.0 Pendahuluan

Program j-QAF adalah antara usaha untuk memperkasa tulisan jawi dan mata Pelajaran Pendidikan Islam dalam pelaksanaan kurikulum semakan Pendidikan Islam (Buku Panduan Dasar, 2004). Program j-QAF ini dibina bagi melahirkan murid-murid sekolah rendah yang khatam Al-Quran, menguasai asas-asas fardhu ain dan dapat menguasai bacaan dan tulisan jawi bermula di peringkat sekolah rendah (Panduan Pelaksanaan Model-model j-QAF, 2004). Program ini telah diamanahkan kepada Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) dan guru-guru dilatih khas berdasarkan modul-modul program.

Sebanyak lima model dan diikuti dengan lima modul pengajaran dan pembelajaran telah diperkenalkan bagi mencapai matlamat program. Model-model dan modul-modul pengajaran dan pembelajaran j-QAF ialah :

- i. Model dan Modul Kelas Pemulihan Jawi
- ii. Model dan Modul 6 Bulan Khatam Quran
- iii. Model dan Modul Tasmik Quran
- iv. Model dan Modul Bahasa Arab Komunikasi
- v. Model dan Modul Kem Bestari Solat

Modul Kelas Pemulihan Jawi merupakan satu daripada modul program j-QAF yang dilaksanakan dalam kelas pemulihan jawi sejak tahun 2005 sehingga sekarang. Kelas

pemulihan jawi wajib dihadiri oleh murid-murid yang telah dikenal pasti dan diperakukan oleh guru Pendidikan Islam dan j-QAF yang dikategorikan sebagai murid yang lemah jawi. Pembelajaran pemulihan jawi ini bertujuan memastikan murid dapat menguasai bacaan dan tulisan jawi serta mencintai jawi sebagai satu daripada warisan budaya bangsa yang perlu dipertahankan. Kegagalan murid menguasai jawi akan mengganggu proses penguasaan Pendidikan Islam

Garis panduan pelaksanaan modul pembelajaran pemulihan jawi telah disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) untuk rujukan guru-guru j-QAF semasa melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Matlamat pembelajaran melalui modul ini adalah untuk membolehkan murid yang ketinggalan jawi dipulihkan dan dapat menyertai murid-murid lain di kelas jawi biasa yang dijalankan serentak mengikut jadual sedia ada. Pelbagai kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran telah dilaksanakan melalui Modul Kelas Pemulihan Jawi j-QAF (MKPJ) untuk memulihkan masalah bacaan dan tulisan jawi. Namun masalah keciciran ini masih perlu dibaiki. Kaedah yang lazim dan ditekankan dalam pelaksanaan MKPJ ialah kaedah permainan (Akmariah Mamat, 2010). Manakala kaedah latih tubi membaca dan menulis tidak diberi perhatian dalam pelaksanaan modul sebelum ini.

Melalui kaedah permainan ini murid pemulihan lebih menumpukan perhatian terhadap aktiviti bermain daripada berusaha mempelajari jawi. Perancangan aktiviti yang lebih cenderung kepada aktiviti permainan menyebabkan kaedah latih tubi tidak berperanan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Ibnu Khaldun (1994) menegaskan bahawa kaedah latih tubi hendaklah diutamakan sebagai satu alternatif

bagi mengajar murid pemulihan yang menghadapi masalah bacaan dan tulisan. Malah, pengetahuan dan penguasaan jawi dalam aspek bacaan dan tulisan menjadi wadah penting dalam menguasai ilmu-ilmu Islam yang berhubung kait dengan bacaan Al-Quran dan Hadis.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kaedah latih tubi membaca dan menulis jawi penting kerana dapat memberi maklumat dan pengetahuan jawi bagi murid-murid pemulihan dimulai dengan proses mengenal huruf, membunyikan suku kata dan seterusnya membaca jawi (Dewi Maslehah,1994; Normaria Che Hussin, 2009). Kemahiran mengenal dan menyebut secara latih tubi amatlah perlu dilalui oleh setiap murid dalam konteks pendidikan bahasa apatah lagi murid-murid yang lemah jawi (Raminah Haji Sabran dan Rahim Syam,1985). Modul Kelas Pemulihan Jawi (MKPJ) yang dilaksanakan dalam kelas pemulihan jawi sejak tahun 2005 sehingga sekarang kurang memberi perhatian terhadap aktiviti latih tubi menyebut dan membaca suku kata dan perkataan jawi bagi tahap dua. Susunan modul yang sedia ada memperlihatkan aktiviti permainan telah mendominasi kaedah pembelajaran dalam kelas pemulihan jawi (Akmariah Mamat dan Sofiah Ismail, 2010; Laporan Praktikum j-QAF, 2010).

Berdasarkan kajian Normaria Che Hussin (2009), tahap membaca dan membina perkataan melalui suku kata jawi didapati kurang dikuasai oleh murid. Pembelajaran secara latih tubi dan intensif adalah alternatif bagi membantu murid pemulihan jawi agar dapat menguasai kemahiran mengenal, menyebut, membaca dan menulis tulisan jawi seterusnya membina perkataan melalui suku kata. Sehubungan itu, mulai tahun 2006 semua pihak dalam Kementerian Pelajaran Malaysia telah digerakkan bagi membasmi masalah buta huruf dalam kalangan murid. Penubuhan Program j-QAF

(jawi, Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain) diharap dapat merealisasikan tujuan ini. Namun kelemahan daripada aspek pemilihan kaedah dalam pelaksanaan modul sedia ada melambatkan usaha memulihkan keciciran jawi (Ahmad Sobri, 2009). Pembelajaran secara latih tubi dan berfokus sangat penting bagi memulihkan kemahiran bacaan dan tulisan. Kajian-kajian pendidikan barat (Anthony Feiler & Debby Watson, 2010) mendapati bahawa proses cuba jaya atau latih tubi sebagai satu alternatif untuk membantu murid-murid diperingkat rendah agar dapat menguasai bacaan dan tulisan.

Pembelajaran secara latih tubi ini adalah satu usaha merangsang memori murid untuk mengingat kembali bahan yang dipelajari. Normaria Che Hussin (2009) mendapati bahawa setiap yang dibaca, didengar, dilihat, disebut dan dibuat serentak dan berulang kali akan membolehkan murid mengingat kembali isi kandungan pembelajaran yang diajar di sekolah. Shahrul Riza (2008) menyatakan bahawa sikap beradab dan penumpuan khusus murid-murid melalui aktiviti latih tubi lebih memudahkan murid untuk menguasai isi kandungan pelajaran. Keutamaan terhadap elemen latih tubi telah lama dan banyak dipraktikkan dalam pembelajaran di peringkat sekolah rendah dan menengah. Aktiviti latih tubi yang lebih giat dan berfokus perlu diamalkan dengan aktif dan berterusan agar dapat membantu proses pemulihan jawi.

Maka, pembinaan Modul Intensif dan Berterusan (MPIB) adalah satu kaedah alternatif yang dirancang berasaskan aktiviti latih tubi membaca dan menulis secara berterusan dan berulang-ulang. Kaedah ini dapat dilaksanakan dalam suasana yang beradab dan harmoni, berbanding kaedah permainan seperti yang berlaku dalam MKPJ. MPIB dilaksanakan sebagai kaedah alternatif untuk penambahbaikan ke atas

Modul Kelas Pemulihan Jawi j-QAF yang sedia ada dengan memberi tumpuan kepada aktiviti latih tubi membaca dan menulis secara intensif.

1.2 Penyataan Masalah

Pembelajaran jawi pemulihan adalah berasaskan kepada kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Penguasaan keempat-empat kemahiran sangat penting kerana ia akan membantu murid menguasai kemahiran membaca dan menulis jawi dan mata pelajaran Pendidikan Islam dengan mudah (Akmariah Mamat dan Sofiah Ismail, 2010). Penguasaan mata pelajaran Pendidikan Islam pula akan menjadikan murid memahami dan menghayati nilai agama dalam Islam. Walaupun Modul Kelas Pemulihan jawi j-QAF (MKPJ) telah digunakan dalam kelas pemulihan jawi, namun golongan murid yang tidak boleh mengenal malah membaca jawi dengan baik dilaporkan masih tinggi (Normaria Che Hussin, (2009); Akmariah Mamat et.al (2010); Muhamad Yusri Salleh; Laporan j-QAF 2010, (2010).

Pelajaran jawi ini juga lebih menjurus kepada aspek pendidikan Islam yang menitikberatkan pengetahuan tentang keagamaan. Pendekatan pelajaran jawi pula sangat rapat dengan pembelajaran tentang huruf-huruf Al-Quran (Al-Na'miy, 1994). Manakala pembelajaran Al-Quran menuntut kepada tahap peradaban yang tinggi dan tertib semasa belajar (Malakat). Bahkan pengetahuan keagamaan inilah yang akan membimbing murid berakhlak mulia dan dapat mengenal tuhan (Shahrul Riza, 2008). Kegagalan murid menguasai tulisan dan bacaan jawi akan menyebabkan kegagalan murid menguasai isi kandungan pendidikan Islam.

Tulisan jawi juga mempunyai kaitan yang rapat dari aspek penguasaan ilmu-ilmu Islam. Dengan adanya kebolehan membaca dan menulis seseorang itu dapat menimba pelbagai ilmu pengetahuan (Robert Lado, 1980; Al-Ghazali, 2009; Ibnu Khaldun, 2008). Kemahiran membaca dan menulis jawi khususnya akan membantu murid menguasai mata pelajaran Pendidikan Islam dan dapat memotivasikan mereka dalam mendalami ilmu-ilmu Islam. Kajian oleh Mohamad Rosdi Mahamud (2008) mendapati bahawa kelemahan pelajar mendalami ilmu-ilmu Islam telah menyebabkan mereka mudah terpedaya dan terlibat dengan gejala sosial yang melanda masyarakat pada hari ini.

Kajian yang dijalankan oleh Normaria Che Hussin (2010) terhadap murid kelas pemulihan jawi tahun 3 dan 4 di Sekolah Kebangsaan Tanjung Puteri, Johor Bahru mendapati 50 peratus daripada murid kelas pemulihan masih tidak dapat mengeja dan membaca perkataan jawi. Hasil kajian mendapati pengajaran dan pembelajaran pemulihan jawi melalui pendekatan modul sedia ada kurang berperanan dalam peningkatan kemahiran jawi khususnya bacaan dan tulisan jawi murid pemulihan. Akibatnya keputusan ujian Penilaian Kendalian Sekolah Rendah (PKSR) kelas pemulihan jawi bagi bulan Mac 2009 didapati merosot sebanyak 30 peratus daripada 60 peratus keputusan ujian bulan Februari. Kaedah pembelajaran khas secara latihan tubi yang berterusan menyebut dan membaca serta mengeja perkataan jawi telah dicadangkan sebagai aktiviti pemulihan agar dapat mengurangkan keciciran jawi.

Muhammad Yusri Salleh (2010) juga mendapati kajian penguasaan tahap pencapaian pembelajaran pemulihan jawi murid Sekolah Kebangsaan Dusun Nanding adalah lemah. Cadangan terhadap usaha penambahbaikan perlu dilakukan terhadap pendekatan Modul Kelas Pemulihan Jawi dari aspek pemilihan kaedah pembelajaran

yang lebih mantap ke arah mengurangkan keciciran jawi khususnya dalam kalangan murid pemulihan. Dapatan kajian Muhammad Yusri Salleh (2009) dirumuskan bahawa kaedah-kaedah konvensional dalam modul sedia ada belum mencapai tahap yang diperlukan dalam kelas pemulihan. Manakala aktiviti permainan pula ditekankan dengan aktif pada setiap kali perancangan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan, namun hasil pencapaian dalam bacaan dan tulisan jawi belum lagi mencapai tahap yang memuaskan (Laporan Praktikum, 2011).

Justeru, untuk membolehkan murid membaca dan menulis jawi dengan baik, murid-murid dicadangkan agar mempelajari dan menguasai kaedah latih tubi membaca dan menulis huruf jawi dengan tekun secara berulang-ulang. Ibnu Khaldun (1994) telah menjadikan latihan ulangan (*Malakat*) dan latih tubi berperingkat (*Tadrij*) untuk mengingati pelajaran. Sebagaimana amalan-amalan pelajar Muslim yang menghafaz Al-Quran, kaedah latih tubi menyebut, membaca dan menulis dalam suasana yang beradab dijadikan asas dalam konteks pembelajaran. Masyarakat Islam telah lama menerima konsep latih tubi terutama dalam aspek pendidikan Al-Quran dan jawi. Aktiviti latih tubi dalam pembelajaran jawi pemulihan sepatutnya menjadi asas di samping kaedah permainan yang telah diterima pakai dalam kurikulum Pendidikan di Malaysia.

Justifikasinya adalah pembelajaran pemulihan jawi lebih cenderung kepada aspek pendidikan Islam yang mementingkan peradaban dan pembentukan moral dan akhlak semasa proses pembelajaran berlangsung. Maka, MPIB dicadangkan sebagai alternatif bagi menambah baik dan memperkasa Kelas Pemulihan Jawi khususnya untuk murid pemulihan jawi tahun lima. Tumpuan murid melalui aktiviti latih tubi

sangat diperlukan bagi membentuk persekitaran pembelajaran yang lebih baik dan harmoni dalam kalangan murid pemulihan (Rajeswari, 2008; Rosmah Ahmad 2009).

1.3 Objektif Kajian

1.3.1 Objektif pertama kajian ini adalah untuk :

- a) membina Modul Pemulihan Intensif Dan Berterusan yang berasaskan kaedah latih tubi yang dilaksanakan secara intensif dan berterusan untuk pembelajaran pemulihan jawi bagi murid tahun lima;
- b) mendapatkan maklumbalas tentang kesesuaian dan kebolehpercayaan modul sebagai kaedah alternatif terhadap murid pemulihan jawi tahun lima.
 - i. Apakah keperluan pembinaan Modul Pemulihan Intensif Dan Berterusan?
 - ii. Apakah pembinaan Modul Pemulihan Intensif Dan Berterusan sesuai digunakan sebagai kaedah alternatif terhadap murid pemulihan jawi tahun lima.

1.3.2 Objektif kedua kajian ini dibahagikan kepada empat sub-objektif seperti berikut:

- 1.3.2.1 mengenal pasti keberkesanan penggunaan Modul Pemulihan Intensif Dan Berterusan dalam meningkatkan pencapaian kemahiran bacaan dan tulisan suku kata jawi bagi murid pemulihan jawi.
- 1.3.2.2 mengenal pasti keberkesanan penggunaan Modul Pemulihan Intensif Dan Berterusan dalam meningkatkan pencapaian kemahiran bacaan dan tulisan perkataan jawi bagi murid pemulihan jawi.

- 1.3.3.3 mengenal pasti keberkesanan penggunaan Modul Pemulihan Intensif Dan Berterusan dalam meningkatkan pencapaian kemahiran bacaan dan tulisan rangkai kata jawi bagi murid pemulihan jawi.
- 1.3.4.4 mengenal pasti keberkesanan penggunaan Modul Pemulihan Intensif Dan Berterusan dalam meningkatkan pencapaian kemahiran bacaan dan tulisan ayat jawi yang mudah bagi murid pemulihan jawi.
- 1.3.4.5 mendapat pandangan daripada guru dan murid sebelum dan selepas penggunaan Modul Pemulihan Intensif Dan Berterusan.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini ialah :

- 1.4.1 Adakah terdapat perbezaan skor min pencapaian secara signifikan antara murid kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam pencapaian kemahiran bacaan dan tulisan suku kata?
- 1.4.2 Adakah terdapat perbezaan skor min pencapaian secara signifikan antara murid kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam pencapaian kemahiran bacaan dan tulisan perkataan jawi?
- 1.4.3 Adakah terdapat perbezaan skor min pencapaian secara signifikan antara murid kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam pencapaian kemahiran bacaan dan tulisan rangkai kata jawi?
- 1.4.4 Adakah terdapat perbezaan skor min pencapaian secara signifikan antara murid kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam pencapaian kemahiran bacaan dan tulisan ayat jawi mudah?

- 1.4.5 Apakah maklumbalas daripada guru dan murid sebelum dan selepas penggunaan Modul Pemulihan Intensif Dan Berterusan dalam kelas pemulihan jawi tahun lima?
- i. Apakah pendapat guru tentang kaedah yang digunakan sebelum penggunaan Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan dalam kelas pemulihan jawi?
 - ii. Apakah pendapat guru tentang kesesuaian penggunaan Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan selepas dilaksanakan?
 - iii. Apakah masalah yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan modul dan apakah cadangan guru untuk mengatasi masalah yang timbul?

1.5 Hipotesis Kajian

Kajian ini menggunakan empat hipotesis nul pada aras signifikan $p < .05$ bagi menjawab persoalan berikut :

Ho1: Tidak terdapat perbezaan skor min pencapaian secara signifikan antara murid pemulihan jawi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam pencapaian kemahiran bacaan dan tulisan suku kata jawi.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan skor min pencapaian secara signifikan antara murid pemulihan jawi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam pencapaian kemahiran bacaan dan tulisan perkataan.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan skor min pencapaian secara signifikan antara murid pemulihan jawi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam pencapaian kemahiran bacaan dan tulisan rangkai kata jawi.

Ho4: Tidak terdapat perbezaan skor min pencapaian secara signifikan antara murid pemulihan jawi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam pencapaian kemahiran bacaan dan tulisan ayat jawi yang lengkap.

1.6 Kepentingan kajian

Kepentingan kajian boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti berikut:

1.6.1 Programj-QAF

Kajian berkaitan dengan aspek pemulihan jawi melalui Program j-QAF berteraskan Modul Kelas Pemulihan Jawi dalam Program j-QAF di sekolah rendah masih di peringkat awal. Maka kepentingan kajian ini diharapkan dapat mengenal pasti dan mendedahkan satu kaedah alternatif bagi memperkasa modul pemulihan jawi. Modul cadangan ini diharap dapat membantu murid pemulihan jawi tahun lima agar menjadikan kaedah latih tubi intensif sebagai alternatif bagi mengurangkan penekanan terhadap kaedah permainan. Selain itu dapat merangsang murid untuk mempelajari jawi seterusnya memulihkan keciciran bacaan dan tulisan jawi dalam kalangan murid tahun lima serta dapat membentuk minat terhadap pelajaran jawi.

1.6.2 Panitia Pendidikan Islam

Masyarakat sekolah yang terdiri daripada guru dan pentadbir sekolah serta ibu bapa dapat menjadikan modul kajian sebagai alternatif bagi memupuk minat dan memastikan semua pelajar Islam mempelajari jawi, Quran, Bahasa Arab dan fardu Ain (j-QAF) dalam suasana yang lebih beradab dan berakhlak. Dapatan kajian dapat memberi pendedahan kepada panitia sekolah dan masyarakat terutama warga pendidikan tentang keberkesanan Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan serta kaedah-kaedah alternatif yang dijalankan melalui program tersebut. Kajian ini

diharap dapat mendidik para guru dan pelajar menjadi insan yang celik dan cinta kepada tulisan jawi dan Al-Quran menerusi kemahiran bacaan dan tulisan jawi melalui kaedah latih tubi.

1.6.3 Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (Bahagian Pengurusan j-QAF)

Selain itu kajian ini dapat membantu pihak Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya bahagian Pendidikan Islam bagi mengkaji, menilai, dan menambah baik kerangka Kurikulum Pendidikan Islam dan Program j-QAF di sekolah-sekolah di Malaysia pada masa akan datang melalui dapatan dan analisis kajian. Kajian ini dapat membantu mengenal pasti metodologi dan sumber pembelajaran yang lebih berkesan untuk murid pemulihan jawi sekolah rendah khususnya murid yang berada di tahap dua bagi mempelajari jawi. Ibu bapa dan waris pelajar juga dapat memanfaatkan kajian ini dalam usaha membimbing anak-anak didik mereka terutama yang lemah kemahiran jawi untuk mencintai tulisan jawi dan mata Pelajaran Jawi sekali gus membentuk akhlak yang lebih baik.

1.6.4 Guru-guru j-QAF dan Pendidikan Islam

Dapatan kajian juga dapat membantu guru-guru mengaplikasikan kaedah-kaedah yang bersesuaian dan mantap dalam sukatan pelajaran Pendidikan Islam khususnya program penulisan jawi dan pemulihan jawi di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia dan tidak hanya bergantung pada aktiviti pengajaran yang berasaskan permainan semata-mata. Ini kerana asas metodologi pembelajaran Islam perlu mengambil kira aspek peradaban murid semasa murid belajar. Jemaah Nazir Persekutuan juga boleh menggunakan dapatan kajian ini untuk mengukur sama ada amalan pengajaran jawi

pemulihan j-QAF tahap dua telah dipraktikkan dengan sepenuhnya. Khususnya guru-guru yang telah mendapat latihan khusus berkaitan j-QAF dengan cara yang berkesan di sekolah serta menilai kesesuaian kaedah permainan yang menjadi penekanan dalam kelas pemulihan tahap dua. Maka pihak sekolah seperti pengetua, panitia, dan setiausaha peperiksaan boleh memperbaiki lagi kualiti amalan pengajaran jawi pemulihan di sekolah agar dapat meningkatkan pencapaian murid pemulihan.

Kajian yang dijalankan ini dapat memberi dorongan kepada seluruh warga pendidik agar dapat menghayati kaedah dan prinsip-prinsip pendidikan Islam yang beradab dapat diamalkan menerusi Modul Kelas Pemulihan Jawi j-QAF dan Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan yang dilaksanakan. Seterusnya guru pemulihan dapat merealisasikan objektif projek j-QAF seperti yang terkandung dalam falsafah, misi dan visi pendidikan Negara. Aspek penguasaan kemahiran bacaan dan tulisan jawi dalam kalangan pelajar dijadikan sebagai satu sokongan untuk merealisasikan Sekolah Berprestasi Tinggi seperti yang telah diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 25 Januari 2010 agar dapat mengangkat martabat dan kualiti sekolah ke peringkat dunia. Penguasaan jawi diharap dapat menyeimbangkan akademik dan bukan akademik melalui penerokaan Al-Quran dan ilmu-ilmu agama serta dapat memperkenalkan satu alternatif baru yang dapat membantu aktiviti pemulihan jawi murid sekolah rendah.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran murid pemulihan jawi berasaskan Modul Kelas Pemulihan Jawi di bawah Program j-QAF, pembelajaran pemulihan jawi konvensional di sekolah agama bantuan kerajaan dan Modul

Pemulihan Intensif dan Berterusan dalam bentuk kuasi-eksperimen. Kelas rawatan menggunakan Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan yang dibina oleh pengkaji dan kelas kawalan menggunakan modul sedia ada dan kaedah-kaedah konvensional. Sampel kajian yang dipilih terdiri daripada murid pemulihan jawi tahun lima dari empat buah sekolah rendah di daerah Arau dan Kangar, dan dua buah sekolah agama bantuan di Perlis. Pemilihan sampel rawak bertujuan (*purposive sampling*) dilaksanakan berdasarkan sukatan pelajaran dan prosedur pemilihan murid yang sama bagi setiap kelas pemulihan yang terlibat. Jumlah kesemua sampel ialah 100 orang murid pemulihan jawi. Jumlah keseluruhan sampel kajian adalah nisbah yang kecil jika dibandingkan dengan keseluruhan populasi murid pemulihan jawi di seluruh Malaysia. Oleh itu dapatan kajian bukanlah menggambarkan dapatan daripada populasi murid pemulihan jawi di seluruh Malaysia.

Kajian ini adalah berbentuk kuasi-eksperimen yang dilaksanakan dalam kelas pemulihan jawi. Perbandingan kajian melibatkan aktiviti pembelajaran pemulihan berasaskan Modul Kelas Pemulihan Jawi (MKPJ), kaedah-kaedah konvensional dan Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan. Kelas-kelas yang terlibat diajar oleh guru-guru di bawah Program j-QAF yang terlatih dan guru-aguru agama yang menerima latihan khas berkaitan pemulihan jawi. Bidang pengkhususan guru-guru pemulihan jawi yang terlibat ialah Pengajian Islam yang telah mendapat Latihan Perguruan Khas j-QAF di Institut Pendidikan Guru Malaysia dan telah dilantik ke jawatan tetap. Guru-guru j-QAF yang masih dalam latihan tidak dilibatkan bagi mengelakkan masalah keralatan berhubung tahap pengalaman dan tahap kemahiran guru semasa mengajar murid pemulihan.

Kuasi-eksperimen telah dijalankan selama 15 minggu dalam penggal satu persekolahan. Tujuannya adalah untuk mengurangkan kesan penglibatan dan tekanan daripada faktor luaran seperti ibu bapa dan gred pencapaian semasa ujian kuasi dijalankan. Tiga kumpulan murid pemulihan tahun lima terlibat dalam ujian kuasi-eksperimen ini. Murid kumpulan pertama mengikuti kaedah alternatif secara latih tubi berterusan melalui modul yang dikenali sebagai Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan. Manakala murid kumpulan kedua mengikuti kelas pemulihan jawi konvensional di sekolah rendah agama bantuan dan kumpulan ketiga pula mengikuti Modul Kelas Pemulihan Jawi j-QAF. Murid tahun lima yang berada dalam kelas jawi biasa adalah terkecuali daripada skop kajian ini.

1.8 Definisi Operasional

Definisi operasional adalah merujuk kepada penggunaan istilah-istilah yang digunakan sepanjang kajian ini berlangsung.

1.8.1 Tulisan Jawi

Tulisan jawi yang dirujuk dalam kajian ini adalah tulisan yang digunakan untuk menulis buku-buku Pendidikan Islam dalam Sistem Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan Menengah. (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010). Selain itu tulisan jawi ini merupakan medium Bahasa Melayu dalam pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Huruf-huruf jawi berasal daripada tulisan Arab sebanyak 30 huruf dan disesuaikan lagi sebanyak enam huruf tunggal jawi bagi menyelaraskan dan melengkapkan ejaan dan bunyi Bahasa Melayu, iaitu ‘nga’, ‘ga’, ‘ca’, ‘pa’, ‘va’, ‘nya’

(ث, خ, غ, ض, ف, و)

1.8.2 Pembelajaran Jawi

Pelajaran jawi adalah sebahagian daripada komponen pendidikan Islam dan mula dilaksanakan pada tahun 2004 dengan pendekatan pengajaran dua waktu seminggu (60 minit) pada enam bulan pertama di Tahun Satu dan satu waktu (30 minit) bagi enam bulan kedua. Manakala bagi tahun 2 hingga 6 jumlah peruntukkan waktu bagi fasa satu dan dua adalah 60 minit. Pembelajaran jawi merujuk kepada kemahiran bacaan dan tulisan yang mesti dikuasai oleh murid berdasarkan Sukatan Pelajaran Jawi yang telah ditentukan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Pembelajaran jawi bertujuan bagi membolehkan murid mendapat pengetahuan melalui saluran bacaan dan tulisan jawi khususnya mata pelajaran Pendidikan Islam. Mohd Salleh Daud (1995) menyatakan pembelajaran adalah perkara yang berkaitan dengan mencari pengetahuan atau kepandaian. Pengetahuan dan kemahiran ini termasuklah kemampuan murid membaca Al-Quran dan Hadis dalam mata pelajaran Pendidikan Islam (Shahrul Riza, 2008). Kajian ini akan memberi tumpuan kepada pembelajaran jawi murid kelas pemulihan yang melibatkan aktiviti pembelajaran bacaan dan tulisan jawi.

1.8.3 Model Kelas Pemulihan Jawi j-QAF

Model Kelas Pemulihan Jawi j-QAF Tahun Lima merupakan satu daripada lima model yang diperkenalkan melalui Program j-QAF yang sedang dilaksanakan di sekolah rendah untuk tahun lima mulai tahun 2004 (Panduan Pelaksanaan Model-model Kurikulum j-QAF, 2010). Struktur pelaksanaan model ini diperjelaskan di dalam Buku Panduan Perlaksanaan Model Kelas Pemulihan Jawi Tahun 5 (Lampiran A1) untuk rujukan para guru kelas pemulihan yang terlibat.

1.8.4 Modul Kelas Pemulihan Jawi j-QAF (MKPJ)

Modul Kelas Pemulihan Jawi (MKPJ) disediakan dalam bentuk dokumen sebagai panduan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pemulihan jawi. Jamaludin Ahmad (2002) mendefinisikan modul sebagai pelengkap kurikulum yang disediakan oleh guru dan menjadi panduan dalam pengajaran dan pembelajaran. Sebanyak 36 kemahiran disusun atur dalam modul pemulihan jawi tahun lima yang dilaksanakan selama 36 minggu. Pembelajaran pemulihan jawi menjadikan kaedah permainan sebagai satu kaedah intensif yang ditekankan di samping kaedah-kaedah alternatif yang disisipkan seperti bercerita, lawatan, lakonan dan sebagainya. (Buku Panduan Kemahiran Pemulihan Jawi Tahun Lima, 2008). Modul Kelas Pemulihan Jawi (MKPJ) ini akan dilaksanakan bagi kumpulan pemulihan jawi kawalan.

1.8.5 Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan (MPIB)

Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan (MPIB) adalah satu kaedah alternatif yang dibina dengan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara latih tubi dalam suasana dan tingkah laku murid yang beradab dan harmoni dengan meminimumkan pergerakan dan aktiviti permainan. Aktiviti latih tubi merangkumi isi kandungan berbentuk kemahiran bacaan dan tulisan jawi bagi mata pelajaran jawi pemulihan berdasarkan sukatan pelajaran pemulihan j-QAF. Modul pemulihan ini dibina sebagai alternatif dalam pemilihan kaedah pembelajaran untuk memulihkan keciciran bacaan dan tulisan jawi dalam kalangan murid pemulihan jawi tahun lima. Pelaksanaan modul pemulihan alternatif ini hanya melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran murid pemulihan jawi tahun lima dalam kelas pemulihan jawi yang sedia ada di sekolah terpilih. Murid yang mengikuti pembelajaran jawi berasaskan

Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan telah dipilih berdasarkan prosedur pemilihan murid pemulihan Model Kelas Pemulihan Jawi (MKPJ) menerusi Program j-QAF.

1.8.6 Pembinaan Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan (MPIB)

Pembinaan Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan ini adalah improvisasi terhadap modul sedia ada yang bertujuan menambah baik pembelajaran pemulihan jawi murid tahun lima. Pembinaan modul ini telah mematuhi urutan dan langkah yang telah ditetapkan (Sidek Mohd Noah, 2008; dan Noraini Idris, 2010). Proses ini bertujuan memastikan modul baru yang dibina ini dapat memberi kesan yang baik terhadap sasarannya. Bagi mencapai tujuan tersebut, penyelidik telah mengumpulkan semua maklum balas berkaitan keperluan terhadap pembinaan modul daripada guru-guru dan pihak pengurusan sekolah. Penyelidik telah menjalankan temu bual daripada 20 orang guru dari beberapa buah sekolah dari negeri Perlis bagi mengumpul maklumat berkaitan pembelajaran pemulihan jawi. Temu bual adalah menjurus kepada pembelajaran pemulihan jawi murid tahap dua khususnya murid tahun lima. Hasil maklumat dianalisis bagi membina modul.

Modul yang dibina adalah berdasarkan kepada Model Pembinaan Modul Sidek (2001). Model pendekatan ini mempunyai dua peringkat utama. Peringkat pertama ialah peringkat menyediakan draf modul yang terdiri daripada sembilan langkah, manakala peringkat kedua merupakan peringkat mencuba dan menilai modul. Dick & Carey (2000) menyatakan bahawa peringkat kedua ini sebagai peringkat penilaian formatif. Pada peringkat kedua modul akan melalui kajian rintis untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan. Jika terbukti draf modul mempunyai kesahan dan

kebolehpercayaan yang tinggi, maka draf modul boleh dianggap sebagai modul yang telah lengkap serta boleh digunakan. Penerangan lanjut berkaitan proses pembinaan boleh dirujuk dalam bab tiga.

1.8.7 Murid Pemulihan Jawi

Pelajar Pemulihan Jawi merujuk kepada sekumpulan pelajar tahun lima antara lapan hingga sepuluh orang yang telah dipilih dan dikenal pasti melalui ujian atau peperiksaan saringan yang telah dikendalikan oleh guru Pendidikan Islam (Buku Panduan Dasar, 2004). Hasil ujian atau peperiksaan yang mereka lalui dalam kelas jawi atau Pendidikan Islam telah menunjukkan tahap mereka sebagai lemah dan tidak dapat menguasai kemahiran 3M iaitu mengenal, menulis dan membaca jawi (Panduan Pelaksanaan Model Pemulihan Jawi j-QAF, 2010). Berdasarkan Jadual 1.1, murid yang mencapai markah 40 dan ke bawah dipisahkan daripada murid biasa yang telah menguasai jawi dan diajar oleh guru pemulihan jawi khas di tempat yang berbeza tetapi masih dalam waktu pengajaran dan pembelajaran yang sama. Abd. Halim Tamuri (2005) mendefinisikan murid pemulihan jawi sebagai satu kumpulan murid lemah yang memerlukan pendekatan khas melalui aktiviti pembelajaran yang khusus. Justeru, pembelajaran secara latih tubi membaca dan menulis adalah satu alternatif yang dilaksanakan bagi murid pemulihan jawi dalam kelas yang berasingan daripada murid yang tidak mengalami masalah keciciran jawi. Jadual 1.1 juga menunjukkan peratusan markah pencapaian ujian jawi bagi murid pemulihan yang dipilih bagi menentukan kelas pemulihan. Murid yang mencapai markah 40 dan kebawah akan dikategorikan sebagai lemah. Murid ini akan dimasukkan dalam kelas pemulihan.

Jadual 1.1 : Analisa Ujian Pencapaian Jawi

Tahap	Tahun	Peratusan	Kelas
Satu	1, 2 dan 3	60 -100	Biasa
		0 - 59	Pemulihan
Dua	4, 5 dan 6	40 - 100	Biasa
		0 - 39	Pemulihan

Sumber : Buku Panduan j-QAF, Bahagian Pembangunan Kurikulum /JAPIM, Kuala Lumpur, 2010.

1.8.8 Kemahiran Membaca Dan Menulis Jawi

Kemahiran membaca jawi merujuk kepada kemampuan pelajar pemulihan jawi dalam menyebut dan membaca huruf-huruf jawi, membunyikan suku kata terbuka dan tertutup, membaca perkataan yang terdiri daripada suku kata terbuka, kombinasi suku kata terbuka dan tertutup serta membaca beberapa ayat pendek dengan bacaan dan sebutan yang betul. Manakala penguasaan kemahiran menulis jawi merujuk kepada kemampuan murid menulis kembali isi pelajaran yang dipelajari dalam kemahiran bacaan dengan betul mengikut teknik penulisan jawi terkini. Kemahiran ini adalah selaras dengan berpandukan sukatan yang sedia ada. Berdasarkan Panduan Pengurusan Program j-QAF, istilah penguasaan merujuk kepada kemampuan murid pemulihan menguasai kemahiran 3M iaitu mengenal huruf-huruf jawi, membaca suku kata dan ayat-ayat pendek dan panjang serta menulis huruf, suku kata dan ayat yang lengkap dengan betul (Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM, 2010)

1.8.9 Kaedah Latih Tubi Membaca dan Menulis Jawi

Kaedah latih tubi membaca dan latih tubi menulis jawi diperkenalkan sebagai kaedah alternatif yang diterbitkan sebagai Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan. Pelaksanaan modul alternatif dilakukan dalam kumpulan pemulihan jawi rawatan. Modul latih tubi ini bertujuan untuk mengatasi masalah penguasaan kemahiran bacaan dan tulisan jawi yang masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Pembelajaran latih tubi akan dibantu dengan bahan-bahan bantu mengajar yang disediakan oleh Program j-QAF secara terancang dan tersusun dalam modul yang dibina. Aktiviti latih tubi membaca adalah proses pembelajaran secara latih tubi yang dilakukan secara berulang-ulang sehingga berjaya menguasai setiap kemahiran jawi sebelum mengikuti kemahiran seterusnya.

Kemahiran ini merangkumi aktiviti membaca dan menulis yang bermula daripada menyebut huruf sehingga membaca sebaris ayat yang lengkap dengan betul. Pembelajaran latih tubi melibatkan proses dan tingkah laku pelajar untuk mengulang sebut atau membaca sehingga mencapai tahap yang diinginkan. Ibnu Khaldun (1994) menggariskan asas pembelajaran ilmu Islam antaranya melalui tindakan latih tubi atau pengulangan bahan-bahan bacaan sehingga menghasilkan suatu pekerjaan yang kukuh, kemudian tertanam sebagai sifat keperibadian dalam jiwa seterusnya membentuk kebiasaan. Proses pembelajaran latih tubi perlu dilakukan secara berkesinambungan dan sistematikal sehingga murid dapat menguasai bacaan dengan sempurna. Latih tubi membaca dan menulis dilakukan serentak atau secara berselang seli semasa aktiviti pembelajaran berlaku. Proses latih tubi membaca dan menulis dinamakan sebagai Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan (MPIB).

1.8.10 Bacaan dan Tulisan Secara Intensif Berperingkat dan Berterusan

Bacaan secara intensif adalah aktiviti pembacaan yang dilakukan secara bersungguh-sungguh iaitu melalui sebutan dan bacaan yang berulang-ulang kali. Kamus Dewan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010) edisi keempat menyebut intensif sebagai sesuatu aktiviti yang giat dan bersungguh-sungguh. Proses bacaan yang giat dan bersungguh-sungguh ini dilakukan berterusan pada setiap kali proses pembelajaran bermula iaitu pada sepuluh minit pertama dan akan terus menyebut kalimah dan ayat secara bergilir-gilir dengan bimbingan guru.

Bacaan berperingkat pula adalah bacaan yang dilaksanakan dari aras yang mudah sehingga aras yang paling sukar. Bacaan yang dimaksudkan ialah bacaan yang dimulakan dengan menyebut sukukata, kemudian perkataan, rangkai kata dan seterusnya membaca sepotong ayat yang lengkap. Bacaan yang berterusan pula adalah bacaan yang akan dilaksanakan oleh murid pada setiap kali aktiviti pembelajaran jawi dimulakan. Menulis pula merupakan aktiviti yang dilaksanakan bagi mengukuhkan bacaan-bacaan murid dalam bentuk latihan. Latihan ini disediakan oleh guru berdasarkan aras bacaan yang diajarkan kepada murid.

1.8.11 Kaedah Pembelajaran Pemulihan Jawi Konvensional (KPK)

Pembelajaran Pemulihan Konvensional (KPK) yang digunakan dalam kajian ini melibatkan kumpulan kawalan dengan merujuk kepada kaedah pengajaran yang lazimnya dilaksanakan di sekolah rendah bantuan kerajaan. Kurikulum sekolah bantuan kerajaan dikawal oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). KPK ini banyak berasaskan kaedah pemulihan konvensional yang tidak terikat kepada sebarang modul khas. Lazimnya kemahiran-

kemahiran yang disusun oleh guru berdasarkan sukatan pelajaran jawi pemulihan dengan mengambil kira kesesuaian kaedah bagi murid pemulihan. Proses aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam kelas pemulihan jawi lebih cenderung kepada kaedah-kaedah yang dirancang dan disediakan oleh guru yang mengajar dalam kelas pemulihan.

1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konsep kajian pada Rajah 1.1 menunjukkan perkaitan antara aktiviti latihan tubi membaca dan menulis yang diterbitkan melalui MPIB sebagai pemboleh ubah bebas dan hasil pembelajaran iaitu penguasaan terhadap kemahiran bacaan dan tulisan sebagai pemboleh ubah bersandar. Aktiviti latihan tubi membaca dan menulis merupakan satu alternatif bagi membantu memulihkan keciciran jawi dalam kalangan murid pemulihan jawi tahun lima. Proses pembelajaran latihan tubi membaca dan menulis jawi dibentuk dalam modul pemulihan intensif dan berterusan bersaskan pola bacaan yang dimajukan oleh Model Bacaan Bawah Ke Atas. Pembelajaran pemulihan jawi melalui MPIB telah dibandingkan dengan kaedah pembelajaran pemulihan konvensional (PPK) dan pembelajaran pemulihan berasaskan Modul Kelas Pemulihan Jawi j-QAF.

Pembelajaran MPIB distrukturkan dengan aktiviti latihan tubi secara berterusan dalam setiap kemahiran bacaan dan tulisan jawi yang dilaksanakan dalam kelas pemulihan. Perbandingan antara ketiga-tiga bentuk pembelajaran akan dinilai dari aspek kesan terhadap hasil pembelajaran yang diukur berdasarkan kemampuan murid pemulihan membaca dan menulis suku kata terbuka dan tertutup (KV + KV, KV + KVK, KVK

+ KVK, KV + KVK + KVK), membaca dan menulis perkataan yang terdiri daripada gabungan suku kata dan membaca dan menulis ayat yang lengkap dan mudah.

Pembelajaran berasaskan MIPB memerlukan pembentukan kumpulan murid pemulihan yang dikumpulkan dalam satu tempat yang khusus dan terpisah daripada kumpulan murid yang tidak mengalami masalah kecaciran jawi. Pembentukan kumpulan murid yang dipulihkan tidak melebihi sepuluh orang bagi satu kumpulan. Tenaga pengajar terdiri daripada guru-guru pemulihan jawi yang telah menerima latihan daripada pelaksanaan Program j-QAF. Pengajaran dan pembelajaran pemulihan jawi masih terikat dengan sukatan pelajaran jawi pemulihan tahun lima. Setiap kemahiran pelajaran jawi memfokuskan pembelajaran latih tubi sebagai elemen utama dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas pemulihan jawi. Kaedah-kaedah yang bersesuaian boleh digabungkan bersama tanpa menyetepikan elemen latih tubi yang menjadi teras kepada modul kajian.

Pembelajaran Pemulihan Konvensional (PPK) sekolah agama bantuan kerajaan dilaksanakan berdasarkan aktiviti dan kaedah pembelajaran yang sedia ada. Manakala pembelajaran pemulihan yang berasaskan Modul Kelas Pemulihan Jawi j-QAF (MKPJj-QAF). PPK dijalankan ke atas murid pemulihan melalui aktiviti dan kaedah pembelajaran seperti permainan bowling, pancing ikan, teng-teng, kotak beracun dan sebagainya (lampiran A2). Kaedah permainan biasanya menjadi elemen utama semasa pelaksanaan pembelajaran pemulihan konvensional. Prosedur pengumpulan skor pencapaian ujian pra dan pasca bagi kumpulan murid pemulihan berasaskan PPK adalah sama seperti skor pencapaian pembelajaran berasaskan MPIB.